



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“HABLUMMINALLAH HABLUMMINANNAS”

Tarikh Dibaca :

**28 ZULKAEDAH 1442H/
9 JULAI 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



“HABLUMMINALLAH HABLUMMINANNAS”

28 ZULKAEDAH 1442H /9 JULAI 2021

الحمد لله القائل:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿ ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ أَيْنَ مَا تُقِفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِنَ اللَّهِ وَحَبْلِ مَنِ

النَّاسِ وَبَاءُ وَبَغْضَبٍ مِنَ اللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ

اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقِّ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿١١٢﴾ آل عمران: ١١٢

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**HABLUMMINALLAH HABLUMMINANNAS**”.

Khatib juga ingin berpesan kepada sidang jemaah sekalian agar sentiasa mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh

pihak berkuasa. Teruskanlah bertaubat dan bermunajat kepada Allah SWT agar diangkat segera wabak ini.

Bagi yang telah mendaftar dan mendapat janji temu suntikan vaksin Covid-19, pastikan anda hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Manakala bagi yang belum mendaftar pula, segeralah berbuat demikian kerana ini antara ikhtiar kita untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini di samping mencapai tahap imuniti berkelompok.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Islam memimpin manusia kepada Tuhan melalui syariat-syariat yang telah ditetapkan. Berdasarkan kepada matlamat tersebut, Islam amat menekankan dua aspek utama bagi setiap hamba-Nya iaitu tata hubungan hamba dengan Penciptanya (*'ubudiyah*) dan tata hubungan seseorang manusia dengan manusia yang lain. Dalam rangka menggilap peribadi muslim yang bertakwa, kedua-dua aspek ini perlu diberi perhatian penuh. Antara sikap orang bertakwa ialah menjaga hubungannya dengan Allah SWT juga hubungannya sesama manusia. Dengan berpegang kepada kedua-dua tali ini, ia memandu manusia ke jalan yang diredhai dan menyelamatkan manusia dari kebinasaan dan kehinaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah ali 'Imran ayat 112 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Mereka diliputi kehinaan di mana sahaja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali (agama) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia, dan mereka kembali mendapat kemurkaan dari Allah dan mereka diliputi kerendahan. Yang demikian itu kerana mereka kafir kepada ayat-ayat Allah dan membunuh para nabi tanpa alasan yang benar. Yang demikian itu disebabkan mereka derhaka dan melampaui batas”.

Korelasi hubungan antara seorang manusia dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia dapat dikaitkan juga dengan sebuah hadis Rasulullah SAW:

إِتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ، وَاتَّبِعِ السَّبِيَّةَ الْحَسَنَةَ تَمَحُّهَا، وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ

Maksudnya: *“Bertakwalah kepada Allah di mana-mana sahaja engkau berada. Iringilah keburukan dengan kebaikan, nescaya kebaikan tersebut akan menghapuskannya (keburukan). Dan bergaullah (dengan) manusia dengan akhlak yang mulia”.* **(Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi)**

Dalam hadis ini terkandung tiga pesanan Rasulullah SAW yang sangat penting, yang menjadi kunci kepada kejayaan hidup seseorang muslim yakni wasiat tentang hubungan secara vertikal manusia kepada Allah SWT (*hablumminallah*) dan hubungan secara horizontal sesama manusia (*hablumminannas*).

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Sehingga ke hari ini negara dan dunia masih dibadai ujian pandemik Covid-19. Malah, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih kekal diteruskan oleh pihak kerajaan bagi mengekang penularan wabak ini. Arahan untuk kekal ‘duduk di rumah’ ternyata bukanlah satu perkara yang mudah. Tidak kurang juga bagi orang yang disayangi pula berada jauh di mata, sedikit sebanyak memberi kesan dan impak besar kepada pemikiran serta tindakan manusia. Lebih membimbangkan apabila gangguan emosi juga boleh berlaku di rumah sendiri sehingga boleh mengundang pelbagai isu seperti tekanan perasaan, depresi, keganasan rumahtangga serta yang lebih membimbangkan lagi ialah perbuatan membunuh diri.

Ketika masyarakat mengharungi ujian pandemik Covid-19 hari ini, konsep ‘*Hablumminallah Hablumminannas*’ amat dititikberatkan bagi menjamin keberlangsungan hidup yang teratur serta mengelakkan diri dari sebarang perbuatan atau tindakan yang bertentangan dengan syariat Islam. Jika dilihat dari sudut yang positif, ujian sebegini sedikit sebanyak merupakan peluang untuk muhasabah diri serta mendekatkan diri kepada Allah SWT walaupun secara fizikalnya amat berat untuk dipikul. Tidak dinafikan ada segelintir masyarakat bertambah yakin bahawa Allah SWT tidak sekali-kali menzalimi makhluknya. Namun, berbeza pula dengan segelintir masyarakat yang terus berada dalam kesedihan dan tidak sabar dengan ujian ini hingga menjejaskan norma kehidupan. Khatib menyeru sidang Jemaah sekalian agar sentiasa mencari inisiatif yang boleh membina tautan rohani dengan Allah SWT sepanjang berada dalam tempoh Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP). Manfaatkan peluang ini untuk merapatkan hubungan kita dengan Maha Pencipta berserta ahli keluarga. Dari segi hubungan rohani, pasti diri kita serta ahli keluarga tidak mengabaikan solat lima waktu, melazimi bacaan al-Quran, zikrullah serta mengikuti siri-siri kuliah agama yang dilangsungkan secara maya oleh ramai pendakwah. Semoga dengan amalan sebegini dapat menjadi pelindung serta pendinding buat diri kita serta ahli keluarga.

Bagi sesiapa yang memerlukan kaunseling atau sokongan moral, pihak KSK *Care Centre* melalui Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (PKKSK), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyediakan perkhidmatan atas talian bagi membantu memberi sokongan moral kepada petugas barisan hadapan yang bertugas dan juga kepada ahli keluarga mangsa Covid-19. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh kaunselor berdaftar, pakar terapi psikospiritual Islam dan kaunselor syarie.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Dalam membicarakan konsep '*Hablumminannas*' pula, khatib juga ingin menasihati para jemaah agar sentiasa prihatin terhadap masyarakat yang berada di sekeliling kita. Marilah sama-sama kita berganding bahu serta saling membantu dalam terhadap golongan yang terkesan tanpa mengira usia, bangsa atau agama. Semoga proses menerapkan konsep '*Hablumminannas*' dalam diri setiap individu Muslim akan menjadi satu rencana dakwah Islamiyah terhadap semua golongan bangsa dan agama. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَى

Maksudnya: "Orang-orang mukmin dalam hal saling mencintai, menyayangi, dan mengasihi bagaikan satu tubuh. Apabila ada salah satu anggota tubuh yang sakit, maka seluruh tubuhnya akan ikut terjaga (tidak dapat tidur) dan panas (turut merasakan sakitnya)" (Hadis riwayat Imam Muslim)

Khatib juga ingin menasihati bagi individu atau ahli keluarga yang benar-benar terjejas dari segi pendapatan, untuk menghubungi agensi atau NGO yang berautoriti bagi memperolehi bantuan dengan segera. Banyak agensi kerajaan atau badan bukan kerajaan hari ini yang sedia membantu serta berkhidmat kepada anda yang sedang mengalami masalah secara sukarela.

Dalam usaha yang murni ini, tidak terkecuali Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri juga melalui agensi-agensi di bawahnya telah menyalurkan sebanyak RM522 juta di bawah program Musa'adah 1.0 dan 2.0 yang telah diagihkan kepada 10 golongan sasaran tanpa mengira agama dan bangsa untuk kegunaan berkaitan pandemik Covid-19 bagi membantu mereka keluar dari kesempitan hidup yang dialami.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, kesimpulan yang dapat diambil sebagai pengajaran buat kita semua ialah:

Pertama: Dalam membentuk peribadi muslim yang berjaya, Islam menekankan dua hubungan utama yang menjadi pengikatnya iaitu '*Hablumminallah*' dan '*Hablumminannas*'.

Kedua: Kita hendaklah sentiasa berusaha mencari inisiatif yang boleh membina tautan rohani dengan Allah SWT sepanjang berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketiga: Bersama-samalah kita berganding bahu serta saling membantu dalam memberikan pertolongan terhadap golongan yang terkesan tanpa mengira usia, bangsa atau agama.

Firman Allah SWT:

﴿ ❁ ﴾ وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۖ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ

وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ

وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾ ﴿﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri;” (Surah al-Nisaa’ ayat 36)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
 بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾ الأَحْزَابُ: ٥٦

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا
 سَرِي قَدُوْكَ بَكِيْنْدَا يَغْ دَفْرَتُوَانِ اَكُوْغْ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةِ الدِّينِ المِصْطَفَى بِاللَّهِ
 شَاهِ ابْنِ المَرْحُوْمِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ المُسْتَعِيْنِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سَرِي قَدُوْكَ بَكِيْنْدَا رَاجِ فَرْمَايسُوْرِي اَكُوْغْ،
 تُونْكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيْزَةِ أَمِيْنَةِ مِيْمُوْنَةِ إِسْكَنْدَرِيَّةِ بِنْتِ المَرْحُوْمِ المِتُوْكَلِّ عَلَى
 اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يُعْطِكُمْ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾ النحل: ٩٠

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.